

05 NOV 1996

BAHAGIAN PENJAGAAN KESIHATAN/KEWANGAN AKAN SUMBANG SEPARUH PEROLEHAN TONGKAH

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd merancang untuk memastikan bahagian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perkhidmatan kewangannya menyumbang separuh daripada perolehannya di masa akan datang.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan dikendalikan oleh Tongkah Medivest Sdn Bhd, sebuah syarikat milik 51 peratus Tongkah yang baru-baru ini diberi kontrak penswastaan lima perkhidmatan sokongan bagi 19 hospital di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan selama 15 tahun.

Perkhidmatan kewangan pula dilaksanakan melalui anak syarikat milik 75 peratusnya Kestrel Securities Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat broker saham yang dahulunya dikenali sebagai MBf Securities Sdn Bhd. Syarikat yang dibeli tahun lalu ini menyumbang kira-kira 40 peratus keuntungan.

Syarikat ini meraih 80 peratus perolehannya daripada bahagian pembuatannya. Ia memiliki 49 peratus kepentingan dalam Sharp Roxy Appliances Corporation Sdn Bhd.

Tongkah berharap untuk memperolehi margin 10 peratus daripada konsesi hospital kerajaan, kata pengerusi eksekutif syarikat itu, Mokhzani Mahathir kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Syarikat itu merancang untuk memulakan pengurusan sisa klinikal bulan ini kerana loji pembakarannya yang berharga RM12 juta di Melaka hanya menunggu sijil kelayakan untuk beroperasi.

Syarikat itu juga bercadang untuk menambah ekuitinya dalam Hospital Pantai Bhd kepada 21 peratus daripada 4.5 peratus, menjadikannya pemegang saham kedua terbesar selepas Berjaya yang memegang 35 peratus.

Pertambahan kepentingan ini juga memberinya laluan kepada rangkaian hospital Parkway Ltd, Singapura. Hospital Pantai memiliki 20 peratus ekuiti Parkway.

Beliau menambah kata, walaupun ada rancangan bagi Kestrel menubuhkan perkongsian strategik dengan institusi-institusi dari luar negara, namun keutamaan sekarang ialah meningkatkan modal berbayarnya daripada RM29 juta kepada RM39 juta.

Mengenai sektor pembuatannya, beliau berkata Tongkah tidak lagi berhasrat membeli lebih banyak syarikat, tetapi sektor tersebut akan dikembangkan melalui usaha sama.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 1996, perolehan Tongkah meningkat 16 peratus kepada RM528 juta. -- BERNAMA

AD KY/sia